- (a) Bob akan bermain permainan itu jika dia mempunyai sekurang-kurangnya 90% peluang untuk memenangi sekurang-kurangnya satu patung mainan beruang dengan membelanjakan RM30. Dengan pengiraan matematik, cadangkan kepada Bob sama ada dia patut main permainan itu atau sebaliknya. [0.9196]

[7 markah]

- (b) Berapakah bilangan minimum permainan yang Bob perlukan supaya dia boleh mendapat 4 patung mainan beruang'? [12]

[3 markah]



Rajah 4



# **MODUL MATEMATIK TAMBAHAN**

## **SPM TAHUN 2020**

### **13. PENYELESAIAN SEGITIGA**

## NOTA

### Petua Sinus


$$\frac{a}{\sin A} = \frac{b}{\sin B} = \frac{c}{\sin C}$$

### Petua Kosinus

$$a^2 = b^2 + c^2 - 2bc \cos A$$

$$b^2 = a^2 + c^2 - 2ac \cos B$$

$$c^2 = a^2 + b^2 - 2ab \cos C$$



Luas sebuah segitiga boleh diperolehi dengan rumus

$$\text{Luas} = \frac{1}{2} ab \sin C$$

$$\text{Luas} = \frac{1}{2} bc \sin A$$


$$\text{Luas} = \frac{1}{2} ac \sin B$$

\*Petua Sinus biasa digunakan apabila wujud **satu** pasangan sudut dan panjang sisi yang setentang untuk nilai yang telah diberikan (wujud b dan B, a dan A atau c dan C).


\*Jika tiada pasangan, Petua Kosinus akan digunakan. Jika hanya ada dua nilai, maka **luas** akan diberikan.

\*Luas sebuah segitiga boleh ditentukan apabila diketahui **dua** panjang sisi dan **satu** sudut di antara dua sisi yang kita ketahui.

## NOTA TAMBAHAN




<https://www.youtube.com/watch?v=1E404FmM4UY>



[https://www.youtube.com/watch?v=oD\\_ATyuSYRQ](https://www.youtube.com/watch?v=oD_ATyuSYRQ)

Sumber:

Youtube Channel Addmath Cikgu Ummu



<https://www.youtube.com/watch?v=Kq5ng9Cq-eA>

Sumber:

My Website: <https://www.video-tutor.net>


Patreon: <https://www.patreon.com/MathScienceTutor>

Amazon Store: <https://www.amazon.com/shop/theorganicchemistrytutorteam>

## CONTOH

Contoh 1:

Rajah menunjukkan segitiga ABC. Cari nilai  $x$ .



Nota:

- 1) Labelkan sisi dan sudut ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ )
- 2) Tentukan sama ada menggunakan Petua Sinus atau Petua Kosinus (Tiada maklumat luas diberikan).
  - Ada pasangan sudut dan sisi setentang (Petua Sinus)
  - Tiada pasangan (Petua Kosinus)
- 3) Selesaikan menggunakan formula.

Jawapan:

$$\frac{5}{\sin x} = \frac{b}{\sin B} = \frac{12}{\sin 130^\circ} \quad (\text{masukkan maklumat daripada soalan})$$

$$\frac{5}{\sin x} = \frac{12}{\sin 130^\circ} \quad (\text{gunakan yang ada maklumat sahaja})$$

$$\frac{\sin x}{5} = \frac{\sin 130^\circ}{12} \quad (\text{boleh diterbalikkan kerana perlu mencari nilai } x)$$

$$\sin x = \frac{\sin 130^\circ}{12} \times 5$$

$$\sin x = 0.3192 \quad (\text{sekurang-kurangnya 4 tempat perpuluhan})$$

$$x = 18.6^\circ \quad (\text{jawapan akhir untuk sudut sekurang-kurangnya 1 tempat perpuluhan})$$

Contoh 2:


Rajah menunjukkan segitiga ABC. Cari nilai  $x$ .

Nota:

- 1) Labelkan sisi dan sudut ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ )
- 2) Tentukan sama ada menggunakan Petua Sinus atau Petua Kosinus (Tiada maklumat luas diberikan).

- Ada pasangan sudut dan sisi setentang (Petua Sinus)
- Tiada pasangan (Petua Kosinus)

- 3) Selesaikan menggunakan formula.



Jawapan:

$$c^2 = a^2 + b^2 - 2ab \cos C \quad (\text{masukkan maklumat ke dalam rumus yang melibatkan sudut dalam soalan})$$

$$c^2 = 8^2 + 4^2 - 2(8)(4)\cos 80^\circ$$

$$c^2 = 68.8865 \quad (\text{sekurang-kurangnya 4 tempat perpuluhan})$$

$$c = 8.30 \text{ cm} \quad (\text{jawapan akhir untuk sisi sekurang-kurangnya 2 tempat perpuluhan})$$

Contoh 3:


Rajah menunjukkan segitiga PQR. QSR ialah garis lurus. Cari

- panjang QR
- $\angle PQR$

Nota:

- Labelkan sisi dan sudut ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ )
- Tentukan sama ada menggunakan Petua Sinus atau Petua Kosinus (Tiada maklumat luas diberikan).

- Ada pasangan sudut dan sisi setentang (Petua Sinus)
  - Tiada pasangan (Petua Kosinus)
- Selesaikan menggunakan formula.



Jawapan:

a)  $a^2 = b^2 + c^2 - 2bc \cos A$  (masukkan maklumat ke dalam rumus yang melibatkan sudut dalam soalan)

$$a^2 = 10.5^2 + 8^2 - 2(10.5)(8)\cos 100^\circ$$

$$a^2 = 203.4229 \text{ (sekurang-kurangnya 4 tempat perpuluhan)}$$

$$a = 14.26 \text{ cm (jawapan akhir untuk sisi sekurang-kurangnya 2 tempat perpuluhan)}$$

b)  $\angle PQR = B$

Menggunakan jawapan pada (a), Petua Sinus digunakan.

$$\frac{14.26}{\sin 100^\circ} = \frac{10.5}{\sin PQR} \text{ (masukkan maklumat daripada soalan)}$$

$$\frac{\sin PQR}{10.5} = \frac{\sin 100^\circ}{14.26} \text{ (boleh diterbalikkan kerana perlu mencari nilai } \angle PQR)$$

$$\sin PQR = \frac{\sin 100^\circ}{14.26} \times 10.5$$

$$\sin PQR = 0.7251 \text{ (sekurang-kurangnya 4 tempat perpuluhan)}$$


$$\angle PQR = 45.5^\circ \text{ (jawapan akhir untuk sudut sekurang-kurangnya 1 tempat perpuluhan)}$$



Contoh 4:

Rajah menunjukkan sisiempat EFGH.  $\angle HEF$  adalah sudut cakah dan luas segitiga HEF adalah  $20 \text{ cm}^2$ . Hitung


- $\angle HEF$
- panjang HF
- $\angle FHG$



Nota:

- Labelkan sisi dan sudut ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ ) untuk segitiga yang diberikan maklumat luas segitiga (HEF)
- Gunakan formula luas untuk mencari sudut
- Menggunakan jawapan yang diperolehi, panjang HF dicari menggunakan Petua Kosinus kerana tiada pasangan sisi dan sudut setentang.
- Soalan (c), labelkan ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ ) untuk segitiga FHG.
- Kenal pasti Petua yang boleh digunakan untuk mencari sudut FHG (Petua Sinus kerana ada pasangan sisi dan sudut setentang).
- Selesaikan menggunakan formula.

Jawapan:



$$\text{Luas} = \frac{1}{2}ac\sin B \quad (\text{formula luas segitia mengikut maklumat yang ada})$$

$$20 = \frac{1}{2}(9)(7)\sin \angle HEF$$

$$\sin \angle HEF = \frac{20(2)}{(9)(7)}$$

$$\sin \angle HEF = 0.6349$$

$$\angle HEF = 39.4^\circ$$

Memandangkan  $\angle HEF$  merupakan sudut cakah ( $180^\circ < \theta < 90^\circ$ ),

$$\angle HEF = 180^\circ - 39.4^\circ$$

$$\angle HEF = 140.6^\circ$$


- b)  $HF = b$ , guna Petua Kosinus (tiada pasangan sisi dan sudut setentang)

$$b^2 = a^2 + c^2 - 2ac \cos B$$

$$b^2 = 9^2 + 7^2 - 2(9)(7)\cos 140.6^\circ$$

$$b^2 = 227.3644$$

$$b = 15.08 \text{ cm}$$



$$\angle FHG = 180^\circ - 45.0^\circ - 100^\circ$$

Petua Sinus atau Petua Kosinus tidak dapat digunakan untuk mencari  $\angle FHG = B^\circ$  secara langsung. Namun Petua Sinus boleh digunakan untuk mencari  $C^\circ$ .


$$\frac{21}{\sin 100^\circ} = \frac{15.08}{\sin C}$$

$$\frac{\sin C}{15.08} = \frac{\sin 100^\circ}{21}$$

$$\sin C = \frac{\sin 100^\circ}{21} \times 15.08$$

$$\sin C = \frac{\sin 100^\circ}{21} \times 15.08$$

$$\sin C = 0.7072$$



$$C^\circ = 45.0^\circ$$

Maka,

$$\angle FHG = 180^\circ - 45.0^\circ - 100^\circ$$

$$\angle FHG = 35^\circ$$




Contoh 5:

Rajah menunjukkan sisiempat ABCD dengan  $\angle ABC$  adalah sudut tirus.

a) Calculate

- i)  $\angle ABC$
- ii)  $\angle ADC$
- iii) luas, dalam  $cm^2$ , sisi empat ABCD



Nota:

- 1) Labelkan sisi dan sudut ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ ) untuk segitiga ABC (perlu diselesaikan di "i")
- 2) Guna Petua Sinus (ada pasangan sisi dan sudut setentang)
- 3) Soalan ii, label sisi dan sudut ( $a, b, c, A^\circ, B^\circ, C^\circ$ ) untuk segitiga ADC.
- 4) Guna Petua Kosinus (Semua sisi diberikan dan tiada pasangan sisi dan sudut setentang)
- 5) Cari luas segitia ABC dan segitiga ADC untuk mencari luas sisiempat ABCD, menggunakan formula luas segitiga.

Jawapan:

a) i) Petua Sinus yang digunakan:

$$\frac{9.5}{\sin 40.5} = \frac{12.3}{\sin \angle ABC}$$



$$\frac{\sin \angle ABC}{12.3} = \frac{\sin 40.5}{9.5}$$

$$\sin \angle ABC = \frac{\sin 40.5}{9.5} \times 12.3$$

$$\sin \angle ABC = 0.8406$$

$$\angle ABC = 57.2^\circ$$

\*Sudut tirus ( $90^\circ < \theta < 0^\circ$ )



a) ii) Petua Kosinus yang digunakan:

$$b^2 = a^2 + c^2 - 2ac \cos B$$

$$12.3^2 = 5.2^2 + 9.8^2 - 2(5.2)(9.8) \cos \angle ADC$$


$$2(5.2)(9.8) \cos \angle ADC = 5.2^2 + 9.8^2 - 12.3^2$$

$\cos \angle ADC = -\frac{28.21}{101.92}$  (Nilai negatif menunjukkan sudut ADC berada di sukuan kedua,  $180^\circ < \theta < 0^\circ$ ).

$\angle ADC = 106.1^\circ$  (Tekan kalkulator terus dapat jawapan di sukuan kedua)



Jawapan Contoh 5 a(iii):



- Luas sebuah segitiga boleh ditentukan apabila diketahui **dua** panjang sisi dan **satu** sudut di antara dua sisi yang kita ketahui.


- Dua sisi yang diketahui adalah a dan b, maka untuk mencari luas, sudut C perlu dikenal pasti.

$$\angle C = 180^\circ - 40.5^\circ - 57.2^\circ = 82.3^\circ$$

$$\text{Luas } \Delta = \frac{1}{2} ab \sin C$$

$$\text{Luas } \Delta ABC = \frac{1}{2}(9.5)(12.3)\sin 82.3$$

$$\text{Luas } \Delta ABC = 57.898 \text{ cm}^2$$



Dua sisi yang diketahui adalah a dan c, dan sudut yang diketahui adalah sudut B. Maka luas segitiga:

$$\text{Luas } \Delta = \frac{1}{2} ac \sin B$$

$$\text{Luas } \Delta ADC = \frac{1}{2}(5.2)(9.8)\sin 106.1$$

$$\text{Luas } \Delta ADC = 24.481 \text{ cm}^2$$

Maka luas sisiempat ABCD adalah:

$$\text{Luas } \Delta ABC + \text{Luas } \Delta ADC = 57.898 + 24.481$$

$$\text{Luas sisiempat } ABCD = 82.379 \text{ cm}^2$$

Tambahan:

b) Satu segitiga A'B'C' yang mempunyai sama ukuran seperti segitiga ABC, iaitu A'C = 12.3 cm, C'B' = 9.5 cm, dan  $\angle B'A'C' = 40.5^\circ$ , tetapi mempunyai bentuk yang berbeza dengan segitiga ABC.

i) Lakarkan segitiga A'B'C',


ii) Nyatakan size  $\angle A'B'C'$ .

i) A'C' dan B'C' dan sudut B'A'C' sama seperti rajah sebelumnya.

Maka, garis yang perlu dillukis adalah garis B'C' (jika melukis garis A'C' atau A'B' akan menyebabkan sudut B'A'C' berubah).


$$\angle A'B'C' = 180^\circ - 57.2^\circ$$

$$\angle A'B'C' = 122.8^\circ$$



## LATIHAN

1. Rajah menunjukkan segi empat  $ABCD$  dengan keadaan  $\angle ABC$  adalah tirus.



(a) Hitung

- (i)  $\angle ABC$ ,
- (ii)  $\angle ADC$ ,
- (iii) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi segiempat  $ABCD$ .


[8 m]

(b) Segi tiga  $A'B'C'$  mempunyai ukuran yang sama dengan segi tiga  $ABC$  tetapi berlainan bentuk dari segitiga  $ABC$ . Lakarkan segitiga  $A'B'C'$ .

[2 m]

[a] i)  $59.1^\circ$ , ii)  $134.6^\circ$ , iii)  $57.01\text{cm}^2$

2. Rajah menunjukkan segitiga  $PQR$ .



- (a) Hitung panjang, dalam cm, bagi  $PR$ .

[2 m]

- (b) Segi empat  $PQRS$  kemudiannya dibina dengan  $PR$  sebagai pepenjuru,  $\angle PRS = 30^\circ$  dan  $PS = 8.2$  cm.  
Hitungkan dua nilai yang mungkin bagi  $\angle PSR$ .

[2 m]


- (c) Dengan menggunakan sudut tirus bagi  $PSR$  dari (b), hitung

- (i) panjang, dalam cm, bagi  $RS$ ,  
(ii) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi segiempat  $PQRS$ .

[6 m]

[a]  $11.94\text{cm}$ , b)  $46.7^\circ$  or  $133.3^\circ$ , c) i)  $15.96\text{ cm}$  ii)  $99.60\text{cm}^2$ ]

3.Rajah menunjukkan segi empat  $ABCD$ .




Hitung

- (a)  $\angle BCD$ , [2 m]
- (b) panjang, dalam cm, bagi  $BD$ , [2 m]
- (c)  $\angle ADB$ , [3 m]
- (d) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi segi empat  $ABCD$ .  
[3 m]

[a]  $72.25^\circ$ , b)  $7.71 \text{ cm}$ , c)  $89^\circ$ , d)  $58.54 \text{ cm}^2$ ]

4. Rajah menunjukkan segi empat  $ABCD$ .



(a) Hitung

(i) panjang, dalam cm, bagi  $AC$ ,

(ii)  $\angle ACB$ .

[4 m]

(b) Titik  $A'$  berada pada  $AC$  dengan keadaan  $A'B = AB$ .


(i) Lakarkan  $\Delta A'BC$ .

(ii) Hitungkan luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi  $\Delta A'BC$ .

[6 m]

[a] i)  $10.44 \text{ cm}$ , ii)  $24.5^\circ$ , b) ii)  $11.82 \text{ cm}^2$

5. Rajah menunjukkan segitiga  $ABC$  dengan titik  $A$  terletak pada  $KC$ . Diberi  $BC = 12\text{ cm}$ ,  $BK = 16\text{ cm}$ ,  $\sin \angle AKB = \frac{3}{5}$  bersudut cakah, dan luas segitiga  $ABK = 24\text{ cm}^2$ .



(a) Hitung panjang, dalam cm, bagi

- (i)  $AK$ ,
- (ii)  $AB$ .

[5 m]

(b) Dalam segitiga  $BCK$ , panjang  $CK$  ialah  $x\text{ cm}$ . Dengan menggunakan hukum kosinus, tunjukkan bahawa  $x$  memuaskan persamaan kuadratik  $5x^2 - 128x + 560 = 0$ .

[2 m]


(c) Segitiga  $B'C'K'$  mempunyai bentuk yang berlainan daripada segitiga  $BCK$  dengan keadaan  $BC = B'C'$ ,  $B'K' = BK$  dan  $\angle BKC = \angle B'K'C'$ .

- (i) Lakarkan segi tiga  $B'C'K'$ .
- (ii) Cari  $\angle K'C'B'$ .

[3 m]

[a] i)  $5.02\text{ cm}$ , ii)  $20.25\text{ cm}$ , c) ii)  $123.4^\circ$

6.Rajah menunjukkan segiempat  $ABCD$ .




Hitung

- (a)  $\angle ABC$ , [2 m]
- (b) panjang, dalam cm, bagi  $AB$ , [3 m]
- (c)  $\angle CAD$ , [2 m]
- (d) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , segi empat  $ABCD$ . [3 m]

[a) $54.3^\circ$ , b) $20.80 \text{ cm}$ , c) $24.5^\circ$ , d) $206.1 \text{ cm}^2$ ]


7.Rajah menunjukkan segi tiga  $ABC$ .



- (a) Hitung panjang, dalam cm, bagi  $AC$ . [2 m]
- (b) Segi empat  $ABCD$  dibina dengan keadaan  $AC$  adalah pepenjuru,  $\angle ACD = 35^\circ$  dan  $AD = 14$  cm. Hitung dua nilai yang mungkin bagi  $\angle ADC$ . [3 m]
- (c) Dengan menggunakan sudut dari (b), hitung
- panjang, dalam cm, bagi  $CD$ ,
  - luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi segi empat  $ABCD$ . [5 m]

a)  $16.53 \text{ cm}$ , b)  $42.6^\circ$  or  $137.4^\circ$ , c) i)  $23.88 \text{ cm}$  or  $3.24 \text{ cm}$  ii)  $118.6$  or  $216.22 \text{ cm}^2$ ]

8. Rajah menunjukkan segitiga  $ABC$  dengan keadaan  $ADB$  dan  $AEC$  adalah garis lurus.



Diberi bahawa  $AD = 7.2 \text{ cm}$ ,  $AE = 4.6 \text{ cm}$ ,  $BC = 10.7 \text{ cm}$ ,  $DE = 6.3 \text{ cm}$  dan  $\angle ACB = 46^\circ$ .

(a) Hitung

- (i)  $\angle BAC$ ,
- (ii) panjang, dalam cm, bagi  $AC$ .

[4 m]


(b) Titik  $A'$  berada pada  $AC$  dengan keadaan  $AB = A'B$ .

- (i) Lakarkan  $\Delta A'BC$ .
- (ii) Hitungkan luas, dalam  $\text{cm}^2$ ,  $\Delta A'BC$ .

[6 m]

a)i)  $59.1^\circ$ , ii)  $9.41 \text{ cm}$ , b) ii)  $35.46 \text{ cm}^2$ ]

9. Rajah menunjukkan segi empat  $ABCD$  dengan keadaan  $\angle ABC$  ialah sudut tirus.



(a) Hitung

- (i)  $\angle ABC$ ,
- (ii)  $\angle ADC$ ,
- (iii) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , segi empat  $ABCD$ .

[7 m]


(b) Segi tiga  $A'B'C'$  mempunyai ukuran yang sama dengan segi tiga  $ABC$ , di mana,  $A'C' = 12.6 \text{ cm}$ ,  $C'B' = 8.7 \text{ cm}$  dan  $\angle C'A'B' = 38.5^\circ$  tetapi mempunyai bentuk yang berbeza berbanding dengan segi tiga  $ABC$  dengan keadaan  $A'C' = 12.6 \text{ cm}$ .

- (i) Lakarkan segitiga  $A'B'C'$ .
- (ii) Hitung panjang, dalam  $\text{cm}$ ,  $A'B'$ .

[3 m]

a)i) $64.4^\circ$ , ii) $113.3^\circ$ , iii) $76.35 \text{ cm}^2$ , b)ii) $13.62 \text{ cm}$ ]

10. Rajah menunjukkan segitiga  $PQR$  dengan keadaan  $QR$  dan  $T$  berada pada  $QP$ .



Diberi bahawa  $SQ = 13 \text{ cm}$ ,  $QT = 10 \text{ cm}$ ,  $SR = 17 \text{ cm}$ ,  $TP = 18 \text{ cm}$  dan  $\angle QRP = 60^\circ$ .

(a) Cari

- (i)  $\angle QPR$ ,
- (ii) panjang, dalam cm, bagi  $ST$ .

[5 m]


(b) Cari luas, dalam  $\text{cm}^2$ , segiempat  $SRPT$ .

(c) Titik  $P'$  berada pada  $PQ$  dengan keadaan  $P'R = PR$ . Cari panjang, dalam cm, bagi  $P'Q$ .

[2 m]

a)i) $68.1^\circ$ , ii) $10.42 \text{ cm}$ , b) $279.36 \text{ cm}$ , c)  $9.02 \text{ cm}$

11. Rajah menunjukkan segi empat  $ABCD$ .




Diberi bahawa  $BC$  dan  $AD$  adalah selari. Luas bagi segi tiga  $ACD$  ialah  $30.18 \text{ cm}^2$ .

Cari  
Find

- (a)  $\angle CDA$ , [2 m]
- (b) panjang, dalam cm, bagi  $AC$ , [2 m]
- (c)  $\angle ABC$ , [3 m]
- (d) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , segi tiga  $ABC$ . [3 m]

a)i) $57.0^\circ$ , b) $8.12 \text{ cm}$ , c) $71.6^\circ$ , d) $5.5\text{cm}$ ]

12. Rajah menunjukkan segi tiga  $ABD$ . Titik  $C$  berada pada garis lurus  $BD$  dengan keadaan  $BC = 3.5$  cm and  $AC = AD$ . Diberi bahawa  $AB = 8$  cm dan  $\angle ABC = 40^\circ$ .



Hitung

- (a) panjang  $AD$ ,

[3 m]

- (b)  $\angle ACB$ ,


[4 m]

- (c) luas segi tiga  $ABD$ .

[3 m]

a)i)  $5.76 \text{ cm}$ , b)  $117.4^\circ$ , c)  $22.49 \text{ cm}^2$ ]

13. Rajah menunjukkan trapezium  $ABCD$  dengan keadaan  $AB$  dan  $DC$  adalah selari.



Diberi bahawa  $AB = 5 \text{ cm}$ ,  $AD = 6.4 \text{ cm}$ ,  $DC = 9.8 \text{ cm}$  dan  $\angle ADC = 118^\circ$ .

Cari

(a) panjang, dalam cm, bagi

- (i)  $AC$ ,
- (ii)  $BD$ ,

[4 m]

(b)  $\angle ABD$ ,


[2 m]

(c) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , segi tiga BCD.

[3 m]

a)i)  $14.0 \text{ cm}$ , ii)  $6.0 \text{ cm}$  b)  $70.4^\circ$ , c)  $27.70 \text{ cm}^2$ ]

14. Rajah menunjukkan sisiempat  $PQST$ .  $QRS$  ialah garis lurus dan  $\angle PRQ$  adalah cakah.



Diberi bahawa luas  $\Delta PST = 30 \text{ cm}^2$ .

Hitung

- (a)  $\angle PRQ$ , [2 m]
- (b) panjang, dalam cm, bagi PS,  
[3 m]
- (c)  $\angle SPT$ , [2 m]
- (d) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi sisi empat  $PRST$ .  
[3 m]

a)  $123.6^\circ$ , b)  $5.27 \text{ cm}$ , c)  $71.6^\circ$  d)  $42.49 \text{ cm}^2$ ]



# **MODUL MATEMATIK TAMBAHAN**

## **SPM TAHUN 2020**

### **14. NOMBOR INDEKS**

## NOTA & FORMULA

### Apa itu Nombor Indeks?

Nombor Indeks ialah suatu ukuran untuk menunjukkan perubahan bagi suatu kuantiti tertentu untuk suatu tempoh masa yang dinyatakan dengan memilih satu tempoh sebagai tahun asas.

$$I_{b/a} = \frac{Q_b}{Q_a} \times 100$$

Nombor indeks pada tahun  $b$  berasaskan tahun  $a$

kuantiti pada masa tertentu

kuantiti pada masa asas

Nombor indeks dikira dengan membahagi kuantiti pada masa tertentu dengan kuantiti pada masa asas kemudian didarab dengan 100.

Contohnya bilangan pelancong yang melawat daerah Tenom pada tahun 2019 ialah 32000 orang manakala seramai 29000 orang melawat daerah Tenom bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Indeks bilangan pelancong yang daerah Tenom pada tahun 2019 berasaskan tahun 2018 boleh dihitung seperti berikut:

Maklumat

$$Q_{2019} = 32000$$

$$Q_{2018} = 29000$$

$$\begin{aligned} I_{19/18} &= \frac{32000}{29000} \times 100 \\ &= 110.34 \end{aligned}$$

Daripada nombor indeks bilangan pelancong di atas, didapati bilangan pelancong meningkat sebanyak 10.34% dari tahun 2018 ke tahun 2019.



## Apa itu Indeks Harga?

Indeks harga merupakan satu ukuran yang digunakan untuk menunjukkan perubahan harga bagi suatu barang tertentu pada masa yang diberikan.

Indeks harga merupakan sejenis nombor indeks yang kerap digunakan



Bagi indeks harga  $Q_b$  atau  $Q_a$  juga boleh diwakili dengan  $P_b$  or  $P_a$  (P untuk harga-price)

$$I_{b/a} = \frac{Q_b}{Q_a}$$

$I$  = indeks harga

$Q_b$  = harga barang pada masa **tertentu**

$Q_a$  = harga barang pada masa **asas**

Tepung	Harga pada tahun 2018	Harga pada tahun 2020	Indeks Harga bagi tahun 2020 berdasarkan tahun 2018 (2018=100)	Perubahan % harga dari tahun 2018 ke tahun 2020
Jenama A	RM 2.20	RM 2.40	$\frac{2.40}{2.20} \times 100 = 109.9$	Meningkat 9.9%
Jenama B	RM 2.50	RM 2.10	$\frac{2.10}{2.50} \times 100 = 84$	Menurun 16%
Jenama C	RM 2.30	RM 2.30	$\frac{2.30}{2.30} \times 100 = 100$	Tidak Berubah

Daripada indeks harga dalam jadual di atas, didapati harga tepung Jenama A meningkat sebanyak 9.9% ( $109.9 - 100 = 9.9$ ) dari tahun 2018 ke 2020. Harga tepung Jenama B menurun sebanyak 16% ( $84 - 100 = -16$ ) dari tahun 2018 ke 2020 dan tepung Jenama C tidak mengalami perubahan harga kerana itu indeks harganya tetap 100.

Oleh itu, dengan melihat **nombor indeks** atau **indeks harga** suatu bahan, kita boleh mengetahui peratus perubahan kuantiti atau harga bahan itu dari satu tahun asas kepada tahun tertentu.

$$\text{Peratus perubahan harga} = (I_{b/a} - 100)\%$$

Jika jawapan  $+$ % = bertambah / meningkat / menokok

Jika Jawapan  $-$ % = berkurang / menyusut

## Apa itu Indeks Gubahan?

Indeks gubahan ( $\bar{I}$ ) merupakan min berpemberat bagi semua item dalam sesuatu situasi. Pemberat ( $W$ ) ialah satu nilai berangka yang mewakili kepentingan setiap item.

$$\bar{I} = \frac{I_1 W_1 + I_2 W_2 + I_3 W_3 + \cdots + I_n W_n}{W_1 + W_2 + W_3 + \cdots + W_n} = \frac{\sum I_i W_i}{\sum W_i}$$

$\bar{I}$

hasil tambah (nombor indeks  $\times$  pemberat)

Jenis-jenis Pemberat ( $W$ )

Nisbah	Peratus	Carta Palang	Carta Pai																								
<table border="1"> <tr> <td>rice index from the year 2016 to the year 2017</td><td>Weightage Pemberat</td></tr> <tr> <td>indeks harga dari 2016 ke tahun 2017</td><td></td></tr> <tr> <td>% change tidak berubah</td><td>1</td></tr> <tr> <td>% decrease nyusut 10%</td><td>4</td></tr> <tr> <td>% change tidak berubah</td><td>2</td></tr> <tr> <td>% increase nkok 5%</td><td>3</td></tr> </table>	rice index from the year 2016 to the year 2017	Weightage Pemberat	indeks harga dari 2016 ke tahun 2017		% change tidak berubah	1	% decrease nyusut 10%	4	% change tidak berubah	2	% increase nkok 5%	3	<table border="1"> <tr> <td>ex from the year 2017</td><td>Percentage of usage (%)</td></tr> <tr> <td>harga dari iun 2017</td><td>Peratus penggunaan (%)</td></tr> <tr> <td>tsk %</td><td>10</td></tr> <tr> <td>tsk %</td><td>10</td></tr> <tr> <td>tsk %</td><td></td></tr> <tr> <td>tsk 0%</td><td>50</td></tr> </table>	ex from the year 2017	Percentage of usage (%)	harga dari iun 2017	Peratus penggunaan (%)	tsk %	10	tsk %	10	tsk %		tsk 0%	50	<p>Mass (kg) Jisim (kg)</p> <p>Diagram 12 Rajah 12</p> <p>Raw material Bahan mentah</p>	<p>Gas 72° Petrol 180° Diesel 180°</p>
rice index from the year 2016 to the year 2017	Weightage Pemberat																										
indeks harga dari 2016 ke tahun 2017																											
% change tidak berubah	1																										
% decrease nyusut 10%	4																										
% change tidak berubah	2																										
% increase nkok 5%	3																										
ex from the year 2017	Percentage of usage (%)																										
harga dari iun 2017	Peratus penggunaan (%)																										
tsk %	10																										
tsk %	10																										
tsk %																											
tsk 0%	50																										

Komponen	Indeks Harga bagi tahun 2020 berasaskan tahun 2018	Pemberat
P	<b>110</b>	<b>3</b>
Q	<b>120</b>	<b>1</b>
R	<b>95</b>	<b>4</b>
S	<b>105</b>	<b>2</b>

Merujuk jadual di atas, komponen P, Q, R dan S diperlukan untuk membina seunit peranti elektronik. Indeks harga bagi tahun 2020 berasaskan tahun 2018 dan pemberat bagi setiap komponen diberikan dalam jadual. Indeks gubahan bagi pembinaan seunit peranti elektronik boleh dihitung seperti berikut:

$$\bar{I} = \frac{110(3) + 120(1) + 95(4) + 105(2)}{3 + 1 + 4 + 2}$$

$$\bar{I} = \frac{1040}{10} = 104$$

## NOTA TAMBAHAN

### Bagaimana Cara Menulis Maklumat Dalam Pewakilan Matematik?

Bagi memudahkan anda menyusun maklumat daripada soalan, kuasai kemahiran menulis maklumat dalam pewakilan matematik seperti dalam jadual berikut:

Contoh maklumat	Pewakilan Matematik
Bilangan <i>hand sanitizer</i> terjual pada tahun 2015 ialah 87000 botol.	$Q_{15} = 87000$
Harga sebuah pencetak 3-Dimensi pada tahun 2019 ialah RM980	$Q_{19} = 980$
Nombor indeks bagi penghasilan pelitup mulut sebuah kilang pada tahun 2020 berdasarkan tahun 2018 ialah 220	$I_{20/18} = 220$
Indeks harga bagi sebuah rumah pada tahun 2020 berdasarkan tahun 2017 ialah 180	$I_{20/17} = 180$
Harga sebuah telefon pintar bertambah 10% dari tahun 2019 ke tahun 2020	$I_{20/19} = (100 + 10) = 110$
Harga sepasang kasut susut 14% dari tahun 2018 ke tahun 2019	$I_{29/18} = (100 - 14) = 86$
Jualan kuih Ezzy menyusut 8% dari tahun 2019 ke tahun 2020	$I_{20/19} = (100 - 9) = 92$

### Bagaimana Cara Mencari $Q_a$ atau $Q_b$ ?

Kuantiti atau harga pada suatu masa tertentu boleh diwakilkan dengan huruf  $Q$ . Kuantiti atau harga boleh dicari jika salah satu nilai  $Q_a$  atau  $Q_b$  dan nombor indeks diberikan. Untuk membantu anda menjawab, tuliskan formula nombor indeks terlebih dahulu. Kemudian, senaraikan semua maklumat yang anda dapat daripada soalan menggunakan pewakilan matematik untuk memudahkan anda.

$$\text{Formula asas : } I_{b/a} = \frac{Q_b}{Q_a} \times 100$$

Mencari  $Q_b = Q_a \times \frac{I_{b/a}}{100}$

Mencari  $Q_a = Q_b \times \frac{100}{I_{b/a}}$



### Contoh 1 : Diberi nombor indeks / indeks harga dan salah satu daripada $Q_a$ atau $Q_b$

Indeks harga sekilogram beras pada tahun 2020 ialah 120 dengan mengambil tahun 2010 sebagai tahun asas. Diberi harga beras pada tahun 2020 ialah RM1.20 sekilogram. Hitungkan harga sekilogram beras pada tahun 2010.

Senaraikan semua maklumat dalam pewakilan matematik :  $Q_{20} = 1.20$ ,  $I_{20/10} = 120$ ,  $Q_{10} = ???$

$$I_{20/10} = \frac{Q_{20}}{Q_{10}} \times 100 =$$

$$120$$

$$Q_{10} = Q_{20} \times \frac{100}{I_{20/10}}$$

$$Q_{10} = 1.20 \times \frac{100}{120}$$

Harga sekelo beras pada tahun 2010 ialah RM1.00.

### Contoh 2 : Diberi nombor indeks / indeks harga dan salah satu daripada $Q_a$ atau $Q_b$

Nombor indeks bagi penghasilan basikal sebuah kilang ialah 140 pada tahun 2018 berasaskan tahun 2016. Diberi bahawa kilang itu menghasilkan 250 buah basikal pada tahun 2016. Hitungkan bilangan basikal yang dihasilkan pada tahun 2018.

Senaraikan semua maklumat dalam pewakilan matematik :  $Q_{16} = 250$ ,  $I_{18/16} = 140$ ,  $Q_{18} = ???$

$$I_{18/16} = \frac{Q_{18}}{Q_{16}} \times 100 =$$

$$140$$

$$Q_{18} = Q_{16} \times \frac{I_{18/16}}{100}$$

$$Q_{18} = 250 \times \frac{140}{100}$$

Bilangan basikal yang dihasilkan pada tahun 2018 ialah 350 buah.



## Kaedah mudah : Jadual YIQ (Year, Index, Quantity)

Bagi pelajar yang mengalami kesukaran dalam mencari nilai  $Q_a$ ,  $Q_b$  atau nombor indeks, kaedah Jadual YIQ boleh digunakan. Jadual adalah seperti di bawah. Pelajar perlu mengisi kolumn Tahun dengan dua tahun yang terlibat, kolumn indeks pula disi nilai 100 bagi tahun yang dijadikan tahun asas. Seterusnya isi sama ada nilai  $Q_a$ ,  $Q_b$  atau indeks yang diberikan. Nilai yang ingin dicari boleh diwakilkan dengan sebarang pemalar (selalunya,  $x$ ). Setelah semua nilai diisi, pelajar gunakan **kONSEP KADARAN** dengan nisbah nilai dalam kolumn indeks adalah berkadar dengan nisbah nilai dalam kolumn kuantiti.

Tahun (Year)	Indeks (Index)	Kuantiti (Quantity)
<b>a (tahun asas)</b>	100 (100 kerana ia adalah asas)	$Q_a$
<b>b (tahun tertentu)</b>	$I_{b/a}$	$Q_b$

Jadual YIQ

Nisbah nilai dalam lajur indeks adalah berkadar dengan nisbah nilai dalam lajur kuantiti, maka formula berikut boleh digunakan:

$$\frac{100}{I_{b/a}} = \frac{Q_a}{Q_b}$$

Setelah semua nilai dikenalpasti dan ditulis, pelajar boleh menggunakan kalkulator untuk menyelesaikan perkadarannya dengan menggunakan ciri **SHIFT + CALC** di kalkulator Casio fx-570MS/991MS atau kalkulator lain yang setara.

### Contoh 1

Diberi kuantiti suatu bahan pada tahun 2019 ialah 130 manakala pada tahun 2020 kuantiti bahan sama ialah 105. Hitungkan nombor indeks bahan tersebut bagi tahun 2020 menggunakan tahun **2019 sebagai tahun asas**.


Tahun (Y)	Indeks (I)	Kuantiti (Q)
2019 (asas)	100	130
2020	$x$	105

$$I_{2020/2019} = \frac{Q_b}{Q_a} \times 100 = x$$

$$\frac{100}{x} = \frac{130}{105}$$

$$130x = 10500$$

$$x = 80.77$$



guna kalkulator

### Cara guna ciri SHIFT + SOLVE di Casio fx570MS



100 → **d/c** **ab/c** → **ALPHA** → **)** **L Abs J** → **ALPHA**

SOLVE = → 130 → **d/c** **ab/c** → 105 → **SHIFT** → **SOLVE = CALC**

(ulang 2x)

## Kaedah mudah : Rajah Sid untuk nombor indeks 3 tahun berbeza

Rajah Sid di bawah boleh membantu pelajar mencari nombor indeks atau indeks harga yang melibatkan 3 tahun dengan tahun asas berbeza. Bagi memahami kaedah Rajah Sid, imbas kod QR video penerangan kaedah di bahagian Kod QR dan pautan video.



a,b,c ialah tahun dan ditulis secara tertib menaik dari kiri ke kanan
$x - I_{c/a}$ : indeks tahun c berdasarkan tahun a
$y - I_{b/a}$ : indeks tahun b berdasarkan tahun a
$z - I_{c/b}$ : indeks tahun c berdasarkan tahun b

### Untuk Mencari nilai x ( $I_{c/a}$ )

1. Tutup x dengan jari anda
2. Tinggal y dan z
3. Jika kedudukan y dan z ialah bersebelahan, maka guna formula darab berikut:

$$I_{c/a} = x = \frac{y \times z}{100}$$



### Untuk Mencari nilai y ( $I_{b/a}$ )

1. Tutup y dengan jari anda
2. Tinggal x dan z
3. Jika kedudukan x dan z ialah atas dan bawah, maka guna formula bahagi berikut:

$$I_{b/a} = y = \frac{x}{z} \times 100$$

\*\*cara yang sama digunakan untuk mencari nilai z.

$$I_{c/b} = z = \frac{x}{y} \times 100$$



*Rajah Sid sebab macam bentuk muka saya kan.....  
(Sid, Ice Age)*




## Contoh penggunaan rajah Sid

### Contoh 1

Indeks harga bagi sebuah buku pada tahun 2015 berasaskan tahun 2012 ialah 110. Indeks harganya pada tahun 2017 berasaskan tahun 2015 pula ialah 120. Hitungkan indeks harga bagi buku itu bagi tahun 2017 berasaskan tahun 2012.

Maklumat :  $I_{15/12} = 110$ ,  $I_{17/15} = 120$ ,  $I_{17/12} = ?$



- Susun tahun 12, 15, 17 dari kiri ke kanan
- Tutup x, didapati 110 dan 120 bersebelahan, guna formula darab:


$$I_{17/12} = \frac{110 \times 120}{100} = 132$$



### Contoh 2

Indeks harga bagi sebuah kereta model X bagi tahun 2020 ialah 105 apabila tahun 2016 diambil sebagai tahun asas dan 110 jika tahun 2018 diambil sebagai tahun asas. Cari indeks harga kereta model X dalam tahun 2018 apabila tahun 2016 diambil sebagai tahun asas.

Maklumat :  $I_{20/16} = 105$ ,  $I_{20/18} = 110$ ,  $I_{18/16} = ?$



- Susun tahun 16, 18, 20 dari kiri ke kanan
- Tutup y, didapati 105 dan 110 berada di atas dan bawah, guna formula bahagi:

$$I_{18/16} = \frac{105}{110} \times 100 = 95.45$$




## KOD QR / PAUTAN VIDEO

Bagi membantu anda memahami dengan lebih baik konsep Nombor Indeks, anda boleh menonton video dalam pautan di bawah. Hanya tekan imej atau imbas Kod QR di bawah menggunakan telefon pintar anda dan anda boleh belajar mengikut kadar anda sendiri!



SCAN ME



INDEX NUMBER PART 2  
#cikgootUBE

SCAN ME

## Kaedah Rajah Sid



Kenapa Rajah Sid?

Contoh 2 - Penggunaan Rajah Sid

Indeks harga selain terup pada tahun 2007 berdasarkan tahun 2005 adalah 98. Jika indeks harannya pada tahun 2005 berdasarkan tahun 2003 adalah 145. Cari indeks harapannya pada tahun 2007 berdasarkan tahun 2003.

$$I_{05/05} = 98$$
$$I_{05/03} = 145$$
$$I_{07/03} = ?$$
$$I_{07/03} = \frac{145 \times 98}{100} = 142.1*$$

$$I_{c/a} = \frac{y \times z}{100} = x$$



SCAN ME


Kredit : [Teacher Intan](#) / [YouTube](#)



## CONTOH

1. Jadual menunjukkan harga dan indeks harga bagi lima komponen,  $P$ ,  $Q$ ,  $R$ ,  $S$  dan  $T$ , yang digunakan untuk menghasilkan suatu jenis alat mainan. Rajah menunjukkan carta pai yang mewakili kuantiti relatif bagi penggunaan komponen-komponen itu.

Komponen	$Q_{04}$		$Q_{06}$	$I_{06,04}$
	2004	2006	Harga indeks pada tahun 2006 berdasarkan tahun 2004	
$P$	1.20	1.50	125	
$Q$	$x$	2.20	110	
$R$	4.00	6.00	150	
$S$	3.00	2.70	$y$	
$T$	2.00	2.80	140	



- (a) Cari nilai  $x$  dan nilai  $y$ .
- (b) Hitung nombor indeks gubahan bagi kos penghasilan alat mainan itu pada tahun 2006 berdasarkan tahun 2004.
- (c) Harga setiap komponen meningkat 20% dari tahun 2006 ke tahun 2008. Diberi kos penghasilan satu alat mainan itu pada tahun 2004 ialah RM55, hitung kosnya yang sepadan pada tahun 2008.

a) Komponen  $Q$ ,  $I_{06/04} = 110$

Tahun	Indeks	Kuantiti
2004	100	$x$
2006	110	2.20

$$\frac{100}{110} = \frac{x}{2.20}$$

$$110x = 220$$

$$x = 2$$

Komponen  $S$ ,  $I_{06/04} = y$ ,  $I_{06/04} = 110$ ,  $Q_{04} = 3.00$

Tahun	Indeks	Kuantiti
2004	100	3.00
2006	$y$	2.70

$$\frac{100}{y} = \frac{3.00}{2.70}$$

$$3.00y = 270$$

$$y = 90$$

$$\begin{aligned} b) \bar{I}_{06/04} &= \\ &\frac{125(144)+110(36)+150(90)+140(18)}{360} \\ &= \frac{44460}{360} \\ &= 123.5 \end{aligned}$$

$$c) \bar{I}_{08/04} = 123.5 \times \frac{(100+20)}{100}$$

$$\frac{Q_{08}}{Q_{04}} = \frac{148.2}{100}$$

$$\frac{Q_{08}}{55} = 1.482$$

$$Q_{08} = 81.51$$

2. (a) Indeks harga bagi sejenis barang pada tahun 2005 berasaskan tahun 2000 dan tahun 1995 ialah masing-masing 120 dan 135. Diberi harga barang itu ialah RM 45 pada tahun 2000, hitung harganya pada tahun 1995.
- (b) Sejenis mesin dibuat dengan menggunakan empat komponen,  $P$ ,  $Q$ ,  $R$  dan  $S$ . Jadual menunjukkan indeks harga bagi komponen itu pada tahun 2005 berasaskan tahun 2000, perubahan harga daripada tahun 2005 ke tahun 2008, dan pemberat masing-masing.

Komponen	$I_{05/00}$	Perubahan harga dari tahun 2005 ke tahun 2008	W Pemberat	$I_{08/00}$
$P$	120	Menyusut 5%	5	114
$Q$	130	Tidak berubah	4	130
$R$	105	Menokok 20%	$k$	126
$S$	115	Tidak berubah	3	115

Hitung

- nilai  $k$ , jika indeks gubahan bagi tahun 2005, berasaskan tahun 2000 ialah  $118\frac{2}{3}$ ,
- indeks gubahan bagi tahun 2008, berasaskan tahun 2000,
- kos untuk membuat mesin itu pada tahun 2008 jika kos yang sepadan pada tahun 2000 ialah RM 1080.

$$(a) \quad I_{05,00} = 120, \quad I_{05,95} = 135$$

$$I_{05,00} = 120, \quad I_{05,95} = 135$$


$$\begin{aligned} \therefore I_{00,95} &= \frac{I_{05,95}}{I_{05,00}} \times 100 \\ &= \frac{135}{120} \times 100 \\ &= 112.5 \end{aligned} \quad @ \quad \begin{aligned} \therefore \frac{I_{05,95}}{I_{05,00}} &= \frac{Q_{00}}{Q_{95}} \\ \frac{135}{120} &= \frac{45}{Q_{95}} \\ Q_{95} &= 40 \end{aligned}$$

$$\frac{Q_{00}}{Q_{95}} = \frac{112.5}{100}$$

$$\frac{45}{Q_{95}} = 1.125$$

$$40 = Q_{95}$$

### Kaedah rajah Sid



$$y \rightarrow I_{00/95} = \frac{135}{120} \times 100$$

$$I_{00/95} = 112.5 = \frac{Q_{00}}{Q_{95}} \times 100$$

$$\frac{112.5}{100} = \frac{Q_{00}}{Q_{95}}$$

$$\frac{112.5}{100} = \frac{45}{Q_{95}} \rightarrow \text{tekan kalkulator}$$

$$Q_{95} = 40$$



$$(b) \quad (i) \quad \frac{120(5) + 130(4) + 105(k) + 115(3)}{k+12} = 118 \frac{2}{3}$$

$$\frac{105k + 1465}{k+12} = \frac{356}{3}$$

$$315k + 4395 = 356k + 4272$$

$$123 = 41k$$

$$3 = k$$

$$(ii) \quad \bar{I}_{08,00} = \frac{114(5) + 130(4) + 126(3) + 115(3)}{15}$$

$$= \frac{1813}{15}$$

$$= 120.87$$

$$(iii) \quad \bar{I}_{08,00} = 120.87$$

$$\frac{Q_{08}}{Q_{00}} = \frac{120.87}{100}$$

$$\frac{Q_{08}}{1080} = 1.2087$$

$$Q_{08} = 1305.396$$


atau

Tahun	Indeks	Kuantiti
2000	100	1080
2008	120.87	$Q_{08}$

$$\frac{100}{120.87} = \frac{1080}{Q_{08}}$$

$$Q_{08} = 1305.396$$

#### Guna ciri SHIFT + SOLVE di Casio fx570MS



## LATIHAN

Bahagian ini terbahagi kepada DUA iaitu latihan konsep asas dan soalan sebenar SPM bagi tahun tertentu. Untuk memastikan anda menguasai topik ini dengan lebih baik, jawablah semua soalan latihan yang disediakan. Good luck!

### LATIHAN KONSEP ASAS

#### 1. Hitungkan nombor indeks bagi setiap yang berikut:

a) Bilangan pelajar yang mendaftar di sebuah IPTA pada tahun 2018 ialah 2950 orang manakala seramai 3300 pelajar mendaftar pada tahun 2020. Hitungkan indeks pelajar mendaftar di IPTA pada tahun 2020 dengan menggunakan tahun 2018 sebagai tahun asas.	b) Harga bagi sepasang kasut ialah RM 220 pada tahun 2019 manakala harga sepasang kasut yang sama ialah RM 210 pada tahun 2020. Hitungkan indeks harga bagi kasut itu pada tahun 2020 berasaskan tahun 2018. Seterusnya, nyatakan peratus perubahan harga bagi kasut itu dari tahun 2019 ke tahun 2020.
c) Sebiji telur masin berharga 80 sen pada tahun 2010 dan RM1.20 pada tahun 2020. Dengan mengambil tahun 2010 sebagai tahun asas, hitungkan indeks harga telur masin pada tahun 2020.	d) Sebuah syarikat motorsikal menjual 1800 buah motorsikal pada tahun 2015. Pada tahun 2018 pula, syarikat itu menjual 2200 buah motorsikal. Hitungkan nombor indeks bagi penjualan motorsikal syarikat itu pada tahun 2018 berasaskan tahun 2015.
e) Indeks harga petrol pada tahun 2020 ialah $k$ berbanding dengan 2019 sebagai tahun asas. Diberi harga petrol adalah RM 2.20 seliter pada tahun 2019 dan RM 1.70 seliter pada tahun 2020. Cari nilai $k$ .	f) Harga sebuah rumah teres pada tahun 2016 ialah RM260000 tetapi harganya pada tahun 2020 ialah RM320000. Cari indeks harga rumah teres itu pada tahun 2020 dengan mengambil tahun 2016 sebagai tahun asas.

**2. Cari nilai  $Q_a$  atau  $Q_b$  dalam setiap yang berikut:**

a) Indeks harga satu pek beras ialah 125 bagi tahun 2020 berasaskan tahun 2012. Diberi harga satu pek beras pada tahun 2020 ialah RM18.50. Cari harga satu pek beras itu pada tahun 2012.	b) Bilangan kereta yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun 2017 ialah 3500 buah. Indeks bilangan kereta yang terlibat dalam kemalangan jalan raya bagi tahun 2019 berasaskan tahun 2017 ialah 118. Hitungkan bilangan kereta yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun 2019.									
c) Indeks harga suatu barang pada tahun 2011 dengan mengambil tahun 2008 sebagai tahun asas ialah 165. Harga barang itu pada tahun 2008 ialah RM600. Hitung harga barang itu pada tahun 2011.	d) Indeks harga bagi sebuah kalkulator bertambah 15% daripada tahun 2017 ke tahun 2019. Jika harga kalkulator itu pada tahun 2019 ialah RM65, hitungkan harga kalkulator itu pada tahun 2017.									
e) Harga dan bilangan unit terjual bagi sebuah model telefon pintar pada tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di dalam jadual berikut. <table border="1" data-bbox="473 1432 1112 1590"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Harga (RM)</th> <th>Bilangan Unit Terjual</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2018</td> <td><math>p</math></td> <td>420</td> </tr> <tr> <td>2019</td> <td>1250</td> <td><math>q</math></td> </tr> </tbody> </table> i) Diberi indeks harga bagi telefon pintar itu bagi tahun 2019 dengan tahun 2018 sebagai tahun asas ialah 125. Cari nilai bagi $p$ . ii) Cari nilai $q$ jika nombor indeks bagi bilangan unit terjual ialah 95 bagi tahun 2019 dengan tahun 2018 sebagai asas.	Tahun	Harga (RM)	Bilangan Unit Terjual	2018	$p$	420	2019	1250	$q$	
Tahun	Harga (RM)	Bilangan Unit Terjual								
2018	$p$	420								
2019	1250	$q$								

### 3. Hitungkan Indeks Gubahan dalam setiap yang berikut:

- a) Jadual di bawah menunjukkan indeks harga perbelanjaan keluarga Qhuzaairy pada tahun 2017 berasaskan tahun 2015.

Perbelanjaan	Indeks Harga Perbelanjaan (tahun asas 2015)	Pemberat
Makanan	130	5
Sewa rumah	120	3
Pengangkutan	100	2
Elektrik, internet dan air	125	1
Pakaian	95	1

Hitungkan indeks gubahan bagi perbelanjaan keseluruhan keluarga Qhuzaairy bagi tahun 2017 berasaskan tahun 2015.

- b) Jadual di bawah menunjukkan indeks harga dan pemberat bagi empat jenis makanan bagi tahun 2019 dengan menggunakan tahun 2015 sebagai tahun asas.

Makanan	Indeks Harga	Pemberat
Ayam	123	7
Daging	115	$k$
Udang	148	3
Ikan	138	5

Diberi indeks gubahan bagi tahun 2019 berasaskan tahun 2015 ialah  $k$ . Hitungkan nilai bagi  $k$ .

c) Jadual di bawah menunjukkan bahan-bahan yang digunakan oleh Pretty untuk membuat sebuku roti. Lajur kedua jadual ini menunjukkan peratusan kenaikan harga bahan-bahan ini pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2015. Lajur ketiga menunjukkan kandungan setiap bahan dalam sebuku roti yang dihasilkan.

Bahan	Peratusan kenaikan harga	Peratusan dalam setiap buku roti
Tepung	25%	70%
Gula	15%	10%
Minyak	10%	5%
Yis	30%	15%

Tuliskan indeks bagi setiap bahan itu pada tahun 2019 jika tahun 2015 diambil sebagai tahun asas. Seterusnya, hitungkan indeks gubahan bagi kos pengeluaran roti itu pada tahun 2019 berdasarkan tahun 2015.


#### 4. Hitungkan nombor indeks bagi setiap yang berikut: (Tips : gunakan rajah Sid)

- |   |  |
|---|--|
| a) Diberi indeks gubahan bagi kos perbelanjaan sekolah Michelle pada tahun 2019 berdasarkan tahun 2018 ialah 120 dan 110 jika berdasarkan tahun 2017. Hitungkan indeks gubahan bagi perbelanjaan sekolah Michelle bagi tahun 2018 berdasarkan tahun 2017. | b) Indeks gubahan bagi keuntungan perniagaan Bevieani bagi tahun 2017 berdasarkan tahun 2016 ialah 120 dan 118 bagi tahun 2016 berdasarkan tahun 2015. Hitungkan Indeks gubahan keuntungan perniagaan Bevieani bagi tahun 2017 berdasarkan tahun 2015. |
|---|--|

## SOALAN SPM LEPAS

### **SPM 2003 Soalan 13 (Pemberat : carta palang)**

- 26 Rajah menunjukkan carta palang bagi perbelanjaan mingguan untuk barang P, Q, R, S dan T pada tahun 1990. Jadual menunjukkan harga dan indeks harga barang tersebut.




Barangan	Harga pada 1990	Harga pada 1995	Indeks Harga 1995 dengan 1990 sebagai tahun asas
P	$x$	RM 0.70	175
Q	RM 2.00	RM 2.50	125
R	RM 4.00	RM 5.50	$y$
S	RM 6.00	RM 9.90	150
T	RM 2.50	$z$	120

- (a) Cari nilai  $x$ ,  $y$ , dan  $z$ . [3 markah]
- (b) Kirakan nombor indeks gubahan bagi harga barang itu pada tahun 1995 dengan tahun 1990 sebagai tahun asas. [2 markah]
- (c) Jumlah perbelanjaan bulanan bagi barang itu pada tahun 1990 ialah RM456. Hitungkan jumlah perbelanjaan bulanan yang sepadan pada tahun 1995. [2 markah]
- (d) Kos barang itu meningkat 20% dari tahun 1995 ke tahun 2000. Carikan nombor indeks gubahan tahun 2000 dengan tahun 1990 sebagai tahun asas. [3 markah]

### SPM 2005 Soalan 13 (Pemberat : Carta Pai)

- 27 Jadual menunjukkan harga dan indeks harga empat bahan, P, Q, R dan S, yang digunakan untuk membuat sejenis biskut. Rajah ialah carta pai yang mewakili kuantiti relatif bagi penggunaan bahan-bahan P, Q, R dan S itu.

<b>Bahan</b>	<b>Harga se kg (RM)</b>		<b>Indeks harga tahun 2004 berdasarkan tahun 2001</b>
	<b>Tahun 2001</b>	<b>Tahun 2004</b>	
P	0.80	1.00	$x$
Q	2.00	$y$	140
R	0.40	0.60	150
S	$z$	0.40	80



- (a) Carikan nilai  $x$ ,  $y$  dan  $z$ , [3 markah]
- (b) (i) Hitungkan nombor indeks gubahan bagi kos membuat biskut itu pada tahun 2004 bersaskan tahun 2001.  
(ii) Seterusnya, hitungkan kos membuat biskut itu yang sepadan bagi tahun 2001 jika kos membuatnya pada tahun 2004 ialah RM2985. [5 markah]
- (b) Kos membuat biskut itu dijangka meningkat sebanyak 50% dari tahun 2004 ke 2007. Carikan nombor indeks gubahan kos membuat biskut itu yang dijangkakan pada tahun 2007 bersaskan tahun 2001. [2 markah]

### **SPM 2015 Soalan 15 (Pemberat : Nisbah)**

- 28** Jadual menunjukkan indeks harga bagi tahun 2013 berdasarkan tahun 2011 untuk tiga jenis bahan *A*, *B*, dan *C* yang digunakan untuk membuat sejenis kasut.

<b>Bahan</b>	<i>Indeks harga pada tahun 2013 berdasarkan tahun 2011</i>	<i>Indeks harga pada tahun 2015 berdasarkan tahun 2011</i>
<i>A</i>	106	120
<i>B</i>	105	125
<i>C</i>	110	<i>m</i>

- (a) Harga bahan *C* pada tahun 2011 ialah RM12.00 dan harganya pada tahun 2015 ialah RM15.60.  
Cari  
(i) nilai *m*,  
(ii) harga bagi bahan *C* pada tahun 2013. [3 markah]
- (b) Indeks gubahan untuk kos pengeluaran kasut itu pada tahun 2013 berdasarkan tahun 2011 ialah 106.7. Nisbah bahan-bahan *A*, *B* dan *C* yang digunakan ialah  $2 : h : 3$ . Cari  
(i) nilai *h*,  
(ii) harga sepadan bagi kasut itu pada tahun 2011 jika harga kasut itu pada tahun 2013 ialah RM58.20. [5 markah]
- (c) Cari indeks harga bagi bahan *B* pada tahun 2015 berdasarkan tahun 2013. [3 markah]

**SPM 2018 Soalan 13 (Pemberat : Peratus)**

29 Jadual menunjukkan maklumat berkaitan empat bahan,  $P$ ,  $Q$ ,  $R$  dan  $S$ , yang digunakan dalam pembuatan satu jenis mi.

Bahan	Perubahan indeks harga dari tahun 2013 ke tahun 2017	Peratus penggunaan (%)
$P$	Menokok 40%	10
$Q$	Menokok 20%	10
$R$	Menokok 60%	
$S$	Menyusut 10%	50

Kos pengeluaran bagi mi ini ialah RM47600 pada tahun 2017

- (a) Jika harga bahan  $Q$  pada tahun 2013 ialah RM4.20, cari harganya pada tahun 2017. [2 markah]
- (b) Peratus penggunaan bagi beberapa bahan diberikan dalam jadual. Hitung kos pengeluaran yang sepadan pada tahun 2013. [5 markah]
- (c) Kos pengeluaran dijangka meningkat sebanyak 50% dari tahun 2017 ke tahun 2019. Hitung peratus perubahan kos pengeluaran dari tahun 2013 ke tahun 2019. [3 markah]

## JAWAPAN

### Latihan Konsep Asas

- 1.
- a) 111.86
  - b) 95.45, harga menyusut sebanyak 4.55%
  - c) 150
  - d) 122.22
  - e) 77.27
  - f) 123.08

- 2.
- a) RM14.80
  - b) 4130
  - c) RM990
  - d) RM56.52
  - e) i)  $p=1000$   
ii)  $q=399$

- 3.
- a) 119.17
  - b) 5
  - c) Tepung = 125, Gula = 115, Minyak = 110, Yis = 130, Indeks gubahan = 124

- 4
- a) 91.67
  - b) 141.6

### Soalan SPM Lepas

#### Soalan 1 (SPM 2003)

- a)  $x=0.40, y=137.5, z=3.00$
- b) 140.92
- c) RM642.60
- d) 169.14

#### Soalan 2 (SPM 2005)

- a)  $x = 125, y = 2.80, z = 0.50$
- b) i) 129.44  
iii) RM2306.09
- c) 194.16

#### Soalan 3 (SPM 2015)

- a) i) 130  
ii) RM13.20
- b) i) 5  
ii) RM54.55
- c) 119.05

#### Soalan 4 (SPM 2018)

- a) RM5.04
- b) RM40000
- c) 78.5

## PENGHARGAAN

- 1)
- 2)
- 3)
- 4)
- 5)
- 6)
- 7)
- 8)

## SENARAI PANEL PENGGUBAL

1) Pn. Jamaliah Mohd. Elmi	SMK Tamparuli, Tuaran
2) Pn. Laila Hijrah M. Iyen	SMK Bahang, Penampang
3) Dr. Ma Chi Nan	SM St Michael, Penampang
4) En. Lee Chiong Tee	SM St Peter, Telipok
5) En. Peter Wong Yung Ming	Sekolah Tinggi Kota Kinabalu
6) En. Hafizi Fazli Bakar	SMK Kemabong, Tenom
7) En. Ong Choon Keat	SM St John Tuaran
8) Pn. Hasriani Asri Atjeng	SM St James Tenghilan, Tuaran
9) Pn. Lau Ming Choo	SMK Bahang, Penampang
10) Pn. Norfadzilah Lee	SMJK Tiong Hua, Sandakan

*'FAILURE DOESN'T MEAN THE GAME IS OVER,  
IT MEANS TRY AGAIN WITH EXPERIENCE'*